



## AKU JANJI

### **SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN LATIHAN INDUSTRI DI FELCRA BERHAD**

Adalah dimaklumkan bahawa setiap pelajar yang menjalani latihan industri di FELCRA Berhad adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- a) FELCRA Berhad tidak akan menyediakan kemudahan tempat tinggal dan pengangkutan kepada pelajar-pelajar semasa tempoh latihan dijalankan.
- b) FELCRA Berhad tidak bertanggungjawab ke atas keselamatan para pelajar di luar waktu latihan.
- c) FELCRA Berhad tidak akan membayar sebarang pampasan kepada pelajar jika berlaku sesuatu kemalangan yang tidak diingini akibat daripada kecuaiannya pelajar itu sendiri semasa tempoh latihan.
- d) FELCRA Berhad akan memaklumkan dari semasa ke semasa sebarang perubahan atau pertambahan syarat sekiranya ada.
- e) Segala maklumat/data yang diperolehi semasa menjalani latihan industri adalah untuk kegunaan latihan sahaja.
- f) Satu salinan *Laporan Latihan Industri* hendaklah dihantar kepada Cawangan Pembangunan Sumber Manusia, Ibu Pejabat FELCRA Berhad selewat-lewatnya dua minggu sebelum tamat menjalani latihan.
- g) Kelayakan cuti bagi pelajar latihan industri adalah tertakluk kepada kelayakan yang diberi oleh Universiti/Kolej.
- h) Sepanjang tempoh latihan industri, pelajar adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Kelakuan dan Tatatertib FELCRA Berhad 1998 "Peraturan dan Prosedur Tatatertib" FELCRA Berhad.
- i) Pelajar wajib melakukan kerja sepertimana yang diarahkan sahaja. FELCRA Berhad tidak bertanggungjawab ke atas keselamatan para pelajar jika tidak mematuhi arahan kerja yang telah dipertanggungjawabkan.

j) Waktu kerja biasa adalah seperti berikut:-

- i. Pejabat di negeri-negeri di mana hari Sabtu dan Ahad adalah Hari Rehat Mingguan.

**Jadual 1** : Waktu bekerja di pejabat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Ibu Pejabat), Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis dan Pulau Pinang.

Hari	Waktu Bekerja (Pagi)	Waktu Rehat	Waktu Bekerja (Petang)
Isnin-Khamis	8.00-1.00	1.00-2.00	2.00-5.00
Jumaat	8.00-12.15	12.15-2.45	2.45-5.00

**Jadual 2** : Waktu bekerja pejabat di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Hari	Waktu Bekerja (Pagi)	Waktu Rehat	Waktu Bekerja (Petang)
Isnin-Khamis	8.00-1.00	1.00-2.00	2.00-5.00
Jumaat	8.00-11.30	11.30-2.00	2.00-5.00

**Jadual 3** : Waktu bekerja pejabat di Sarawak

Hari	Waktu Bekerja (Pagi)	Waktu Rehat	Waktu Bekerja (Petang)
Isnin-Khamis	8.00-1.00	1.00-2.00	2.00-5.00
Jumaat	8.00-11.45	11.45-2.15	2.15-5.00

- ii. Pejabat di negeri-negeri di mana hari Jumaat dan Sabtu adalah Hari Rehat Mingguan

**Jadual 4** : Waktu bekerja pejabat Kelantan dan Terengganu

Hari	Waktu Bekerja (Pagi)	Waktu Rehat	Waktu Bekerja (Petang)
Ahad-Rabu	8.00-1.00	1.00-2.00	2.00-4.45
Khamis	8.00-1.00	1.00-2.00	2.00-4.30

**Jadual 5**: Waktu bekerja pejabat di Johor.

Hari	Waktu Bekerja (Pagi)	Waktu Rehat	Waktu Bekerja (Petang)
Isnin-Khamis	8.00-1.00	1.00-2.00	2.00-5.00
Ahad	8.00-12.15	12.15-2.30	2.30-5.00

**Jadual 6** : Waktu bekerja pejabat di Kedah.

Hari	Waktu Bekerja (Pagi)	Waktu Rehat	Waktu Bekerja (Petang)
Isnin- Khamis	8.00-1.00	1.00-2.00	2.00-5.00
Ahad	8.00-12.15	12.15-2.45	2.45-5.00

k) Pakaian Lelaki

- i. "Lounge suite" atau "Bush-Jacket".
- ii. Seluar panjang beserta baju kemeja dan bertali leher. Baju kemeja hendaklah dimasukkan ke dalam, jika baju tersebut berlengan panjang, tangan baju hendaklah dibutangkan.
- iii. **Pakaian baju Melayu lengkap dengan bersamping adalah digalakkan dipakai pada setiap hari Jumaat.** Pakaian baju yang mirip dengan potongan baju Melayu dan dipakai dengan seluar panjang juga dibenarkan pada hari jumaat sahaja. **Pakaian baju Melayu dengan kain pelikat,**

**seluar “Jeans” atau seluar pendek tidak boleh dipakai semasa bekerja.**

- iv. Kasut kulit atau lain-lain kasut yang sama jenis dengannya. **Selipar, kasut yang tidak bertutup dan kasut sukan tidak boleh dipakai semasa bekerja.**

l) Pakaian Wanita

- i. Pakaian kebangsaan, baju jubah berseluar atau pakaian kaum masing-masing yang sesuai dipakai semasa bekerja. **“Jeans”, “skirt” pendek dan seluar pendek tidak boleh dipakai semasa bekerja.**
- ii. Kasut wanita dan bertutup. **Selipar, kasut yang tidak bertutup dan kasut sukan tidak boleh dipakai semasa bekerja.**
- iii. **Pemakaian yang kurang sopan adalah tidak dibenarkan sama sekali dan bagi yang tidak bertudung, rambut perlu disisir rapi atau diikat.**

Saya \_\_\_\_\_pelajar daripada \_\_\_\_\_  
memahami segala syarat dan peraturan yang dinyatakan di atas dan berjanji akan mematuhi syarat dan peraturan FELCRA Berhad sepanjang saya menjalani latihan industri di FELCRA Berhad. Pihak FELCRA Berhad boleh menamatkan latihan industri saya pada bila-bila masa sekiranya saya melanggar sebarang syarat dan peraturan yang dinyatakan sepertimana di atas.

Yang benar,

Dihadapan saya,

\_\_\_\_\_  
(Nama: \_\_\_\_\_ )  
Tarikh: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
(Nama: \_\_\_\_\_ )  
Tarikh: \_\_\_\_\_